

Terbitan Bonus 1 untuk 13

4 April 2018



Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS) mencadangkan mengeluarkan bonus berdasarkan satu bahagian saham untuk setiap 13 saham sedia ada yang dipegang oleh para pemegang saham.

Amalan korporat ini akan menyaksikan pengeluaran sehingga 38.4 juta saham biasa yang baharu.

Bonus yang dicadangkan ini dijangka menambah saham KPS daripada 499.0 juta pada masa kini kepada 537.4 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif KPS, Ahmad Fariz Hassan berkata, dasar modal yang lebih besar ini mencerminkan skala operasi KPS yang semakin berkembang setelah Pelan Transformasi Bisnes dilaksanakan.

"Portfolio KPS pada masa ini ditunjangi dalam kalangan peserta terkemuka dengan kepakaran yang terbukti dan kelebihan daya saing dalam segmen pembuatan, perdagangan dan infrastruktur, sekali gus membolehkan kami memastikan pertumbuhan yang mampan ke hadapan.

"Amalan korporat ini memenuhi objektif serampang dua mata iaitu sebagai ganjaran kepada pemegang saham atas sokongan teguh mereka, dalam masa sama mewujudkan asas lebih besar sekali gus membolehkan masyarakat mengambil bahagian melabur lebih luas lagi," katanya dalam satu kenyataan media.

Sementara itu beliau memberitahu, lembaga pengarah berhasrat mengekalkan amalan mengagihkan dividen tahunan kepada para pemegang saham, sejajar dengan dasar penciptaan nilai KPS. "Kami percaya bahawa para pemegang saham akan terus bersama-sama kami kerana KPS bercita-cita menjadi konglomerat yang berpusatkan pertumbuhan," katanya.



Terbitan Bonus ini akan diajukan untuk mendapat kelulusan Bursa Malaysia Securities Berhad, pihak berkuasa atau pihak berkuasa berkaitan serta para pemegang saham syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan kelak.

Terbitan Bonus 1 untuk 13 yang dicadangkan ini disasarkan siap pada suku kedua 2018.

Lembaga KPS juga mencadangkan dividen akhir sebanyak 4.25 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, tertakluk kepada kelulusan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Dividen akhir yang dicadangkan sebanyak 4.25 sen sesaham atau RM22.8 juta pembayaran, adalah 36.2 peratus daripada keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Kumpulan telah mengagihkan pembayaran dividen secara konsisten iaitu bersih daripada cukai, antara 2.0 sen dan 4.25 sen sesaham setiap tahun sejak 2006, kecuali pada 2013 di mana dividen istimewa sebanyak 25.6 sen telah dibayar, selepas pelupusan aset.

<http://www.sinarharian.com.my/bisnes/terbitan-bonus-1-untuk-13-1.817865>